

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kanak-kanak Orang Asli yang tidak menghabiskan tempoh persekolahan sehingga Tingkatan 5.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk mengurangkan kadar keciciran murid di negara ini termasuk murid Orang Asli. KPM mendefinisikan keciciran daripada sistem pendidikan sebagai situasi di mana murid warganegara Malaysia yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah) tetapi keluar daripada sistem sebelum tamat/menghabiskan tempoh pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 58.62 peratus murid Orang Asli yang tidak menamatkan persekolahan sehingga ke Tingkatan 5 bagi tahun 2020. Bagi tahun 2021 pula, sebanyak 42.29 peratus murid Orang Asli yang tidak menamatkan persekolahan sehingga ke Tingkatan 5.

KPM kekal komited dalam memberi perhatian terhadap pendidikan murid Orang Asli dan berusaha memastikan mereka terus mendapat akses kepada pendidikan.